

22 MAY 2003

S'PURA-BIOTECH/I

BEBERAPA FIRMA BIOTEK S'PURA TIMBANG PINDAH KE M'SIA

SINGAPURA, 22 Mei (Bernama) -- Projek BioValley Malaysia yang akan muncul mungkin mendapat faedah daripada kekecewaan yang meningkat di kalangan kira-kira 30 syarikat permulaan bioteknologi di Singapura, akhbar Today melaporkan.

Projek kerajaan Malaysia itu, yang akan siap menjelang 2006, berharap untuk menarik 150 syarikat biotek dan membawa masuk AS\$10.5 bilion dalam pelaburan dalam dekad akan datang.

Sebilangan syarikat di Singapura telahpun menimbang untuk berpindah, sesetengah ke Malaysia, di mana kos adalah lebih rendah, dan sesetengah ke Amerika Syarikat, di mana pembiayaan adalah lebih sedia diperolehi, sumber-sumber industri memberitahu akhbar tabloid itu.

Menurut harian itu di dalam berita muka depannya, masalah utama ialah syarikat-syarikat biotek itu terpaksa menghadapi kerenah birokrasi untuk mendapatkan dana.

Ini adalah di sebalik wujudnya beberapa dana bernilai lebih S\$1 bilion, yang diperuntukkan oleh kerajaan Singapura, untuk membantu permulaan dan juga menarik firma-firma antarabangsa mendirikan pangkalan di sini.

"Adalah mudah merungut tetapi realitinya ialah bahaw adalah sukar untuk mendapat wang daripada seseorang, malaha bapa anda," kata pengasas Lynk Biotechnologies, Prof Lee Chee Wee.

Masalah di Singapura, katanya, ialah kekurangan pengalaman.

Prof Lee, yang merupakan rakyat Malaysia, berkata: "Kebanyakan pegawai Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) adalah muda dan masih mentah, banyak daripada mereka tidak pernah minjam walaupun S\$1 daripada sesiapa dahulu, apa lagi beberapa juta dolar. Anda terpaksa meyakinkan mereka... supaya mereka boleh meyakinkan para pengarah bila mereka kemukakan kes anda kepada lembaga."

Akhbar itu berkata, syarikat-syarikat itu boleh terdorong daripada kejayaan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) kerana dapat menarik pelanggan-pelanggan utama daripada Lembaga Pelabuhan Singapura yang lebih kukuh itu.

Paling baru, langkah membangunkan pusat logistik utama laut, udara dan pengangkutan S\$500 juta di Johor, menyatakan dengan banyak mengenai sikap progresif Malaysia, kata Today.

Projek BioValley berharga RM2 bilion, di atas tapak 484ha itu, ilham Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan perumahan pinggir tasik yang menarik, mungkin mampu menarik syarikat-syarikat terkemuka dan ahli-ahli sains perlu menjayakan projek itu.

Jika masalah pembiayaan berpanjangan, penghijrahan firma-firma biotek dari Singapura ke Malaysia mungkin boleh berlaku, terutamanya mereka yang bukan pengusaha besar, yang menikmati sokongan Lembaga Kemajuan Ekonomi, kata akhbar itu.

Malaysia, yang kurang kerenah birokrasi dalam mengeluarkan dana, telahpun menarik pelabur-pelabur Singapura untuk mendirikan beberapa syarikat biotek, kata tabloid itu lagi.

"Malaysia adalah lebih liberal..mereka tidak meletakkan anda di bawah pengawasan teliti," kata Paulus Tan, pengarah urusan Bestar Laboratories, pengeluar diagnosa yang penghubung industrinya menerima pembiayaan biotek dari Malaysia.

Malaysia, kata akhbar itu, telahpun berusaha dengan rakan kongsi industri daripada syarikat-syarikat biotek butik kepada syarikat-syarikat

multinasional seperti Roche Diagnostics of Switzerland.

Ia adalah juga negara pertama di Asia membekalkan contoh (samples) Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) kepada Roche, yang kini membangunkan kit diagnosa SARS, katanya akhbar itu.

Singapura, sebaliknya, tidak begitu bersedia memberikan contoh-contoh kepada usaha-usaha yang diterajui bukan kerajaan. Katanya kerenah birokrasi seumpama itulah yang mencetus kegusaran di kalangan syarikat biotek swasta.

Peserta-peserta industri berkata untuk mengendalikan firma biotek akan menelan belanja kira-kira AS\$10 juta (RM38 juta) selama empat tahun. --

BERNAMA

SSW SHO SD OS